

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 26 JULAI 2016 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Bina makmal periksa brek bas, lori	Utusan Malaysia
2	SIRIM bina makmal baru bagi uji sistem brek	Harian Metro
3	SIRIM tubuh makmal baharu uji brek, komponen automotif	Berita Harian

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 24
TARIKH : 26 JULAI 2016 (SELASA)



WILFRED MADIUS TANGAU (empat dari kiri), Abu Bakar Mohamad Diah (tiga dari kiri) dan Ahmad Tajuddin Ali (empat dari kanan) memotong kek sambil disaksikan Zainal Abidin Mohd. Yusof (dua dari kiri) dalam majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri anjuran Kumpulan SIRIM di Shah Alam, Selangor, semalam. - UTUSAN/SAHARUDDIN ABDULLAH

Bina makmal periksa brek bas, lori

SHAH ALAM 25 Julai - Sebuah makmal khas yang berupaya mengenal pasti tahap keberkesanan sistem brek kenderaan khususnya komersial yang dipasarkan di negara ini dijadualkan beroperasi awal tahun depan.

Pengerusi **SIRIM Berhad**, Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali berkata, dengan adanya makmal berkenaan, pad brek yang dipasang pada kenderaan khususnya bas dan lori dapat diketahui tahap keselamatannya, sekali gus mampu menyelamatkan nyawa pengguna jalan raya lain.

Menurutnya, syarikat automotif di negara ini seharusnya mengambil peluang menggunakan kemudahan tersebut bagi mengurangkan kemalangan nya-

wa di jalan raya terutama mem-babitkan kenderaan berat.

"Banyak kemalangan jalan raya yang berlaku adalah disebabkan faktor sistem brek terutama pad brek yang tidak berkualiti.

"Makmal yang bakal siap sepenuhnya ini nanti dapat memastikan pad brek yang digunakan pada kenderaan di negara ini memenuhi standard keselamatan yang ditetapkan," katanya ketika ditemui dalam Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri anjuran Kumpulan SIRIM, di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri **Sains, Teknologi dan Industri**, Datuk Wilfred Madius Tangau; timbalannya, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah serta Presiden dan Ketua Pegawai Ekse-

kutif Kumpulan SIRIM, Datuk Dr. Zainal Abidin Mohd. Yusof.

Pada 10 Julai lalu, sebuah bas persiaran yang dalam perjalanan dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur melanggar 10 buah kenderaan semasa menuruni bukit di Kilometer 265.8, Lebuhraya Utara-Selatan arah selatan berdekatan Terowong Menora di Ipoh, Perak.

Kejadian dikatakan berlaku ekoran bas tersebut dipercayai mengalami masalah teknikal iaitu brek tidak berfungsi dengan sempurna.

Keadaan itu mengakibatkan bas yang sedang menuruni bukit gagal dikawal dan bergerak laju sebelum melanggar kenderaan lain di hadapannya.

SIRIM bina makmal baru bagi uji sistem brek

Shah Alam: Institut Piawain Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) melalui kumpulan anak syarikatnya kini memberi tumpuan kepada pelaksanaan makmal baru bagi pengujian sistem brek dan komponen syarikat pengeluar komponen automotif di negara ini.

Langkah itu dilihat mampu mengurangkan risiko kemalangan di negara ini terutama membabitkan masalah sistem brek termasuk kes rempuh terhadap 10 kereta dalam kemalangan di Kilometer 265.8, Lebuhraya PLUS arah selatan selepas Terowong Menora, Ipoh, 10 Julai lalu.

Naib Presiden SIRIM Ir Dr Mohamad Jamil Sulaiman berkata, makmal baru itu termasuk dalam pelaksanaan strategi utama



MOHAMAD Jamil

dalam Pelan Transformasi lima tahun.

Menurutnya, ia membabitkan inovasi, perkembangan perniagaan dan penstrukturan semula selain peningkatan produktiviti bagi peranti perubatan serta pengujian tangki tekanan bagi gas asli mampat.

